

PENERIMAAN MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA TERHADAP AMALAN PERCAMPURAN MAZHAB DALAM ISU-ISU IBADAT

Oleh:

*Anisah Ab. Ghani**

*Abd Karim Ali***

*Noor Naemah Ab. Rahman****

*Raihanah Hj. Azahari*****

*Saadan Man******

*Luqman Abdullah******

*Shahidra Binti Abdul Khalil******

ABSTRACT

Muslim society in Malaysia acknowledge the existence of Shafi'i madhhab since the spread of Islam in this region. This madhhab had influenced the society's thoughts and practices through the traditional education system, literatures, laws and the local scholars. Basically, Muslim society in Malaysia are bound by the opinion of Shafi'i madhhab as declared in the enactment of the states. Nevertheless, there are rooms for another madhhabs to be selected and practiced in Malaysia if certain issues are related to public interest (maslahah). On the other hand, the use of madhhabs, talfiq and takhayyur have become a polemic among the scholars regarding its necessity and validity. Hence, this article attempts to estimate to what extent the practices of Muslim society in Malaysia in devotion aspect are still bound by the opinions of the Shafi'i madhhab. The related issues that will be discussed are ablution (taharah), prayer, fasting and zakat. To obtain the data needed, questionnaires had been distributed to selected respondents with religious education background from Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Johor and Kuala Lumpur. These states represent north, east, south and middle part of Malaysia. Besides that, interview with several informant also had been conducted.

PENDAHULUAN

Mazhab Syafi'i menjadi rujukan utama dalam amalan hukum di Malaysia. Enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri dengan jelas telah menyebutkan rujukan hukum utama mesti dilakukan kepada pandangan muktamad Syafi'i. Secara amalannya juga, tradisi berpegang kepada pandangan hukum Syafi'i dalam urusan ibadat di kalangan masyarakat Islam telah lama menebal. Sebarang amalan yang didapati bersalahan dengan peruntukan hukum Syafi'i dianggap asing dan tidak boleh diamalkan. Meskipun demikian dalam beberapa hal yang terhad masyarakat Islam turut beramal dengan pandangan hukum mazhab-mazhab lain terutamanya dalam keadaan terdesak. Itupun diterima dalam keadaan sempit dada.

Tradisi pengamalan agama yang bertunjangkan kepada Mazhab Syafi'i, pendedahan masyarakat ilmuan dan awam kepada kepelbagaian mazhab atau perbandingan mazhab, perkembangan moden dan tuntutan semasa sedikit sebanyak menuntut kepada pertimbangan sewajarnya dalam percampuran mazhab. Oleh kerana persoalan percampuran mazhab atau *talfiq* mempunyai pandangan yang pro dan kontra di kalangan ulama, justeru kajian ini akan menganalisis pandangan masyarakat Islam yang diwakili golongan agamawan dan masyarakat awam di Malaysia. Pandangan mereka ini mungkin boleh mencorakkan bentuk amalan keagamaan di Malaysia nanti.

* Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

** Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*** Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

**** Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

***** Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

***** Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

***** Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Terdapat beberapa kajian yang pernah dijalankan menyentuh amalan masyarakat Islam di Malaysia pada isu-isu tertentu berdasarkan percampuran nilai hukum antara pelbagai mazhab. Walau bagaimanapun sejauh penelitian yang dibuat belum terdapat kajian yang dilakukan bagi melihat penerimaan masyarakat (ilmuan agama dan masyarakat awam) terhadap amalan percampuran mazhab dalam perkara ibadat dan kekeluargaan.

PERCAMPURAN MAZHAB

Percampuran mazhab dapat difahami secara ringkasnya sebagai berpegang dengan pendapat pelbagai mazhab dan tidak terikat dengan satu-satu mazhab sahaja dalam amalan. Terdapat beberapa bentuk amalan percampuran mazhab yang ada dibincang dan disentuh dalam ilmu Uṣūl Fiqh. Antaranya ialah:

1. *Talfīq*
2. *Takhayyūr*
3. *Tatabbu' al-rukhaṣ*
4. *Tarjīh*

Istilah-istilah ini saling berkaitan antara satu sama lain sehingga terdapat ulama yang menyamakan pengertian sebahagian daripadanya dengan yang lain. Sebagai contoh Abu al-‘Awn Muḥammad bin Aḥmad al-Safarīnī (1114-1188H) menyamakan pengertian *talfīq* dan *tatabbu' al-rukḥāṣ*. Manakala Yūsuf al-Qaraḍāwī pula dalam satu tulisan pernah mendatangkan definisi *talfīq* yang dilihat menyerupai pengertian dan konsep *tarjīh*.

Untuk memahami bentuk-bentuk percampuran mazhab secara lebih terperinci, berikut didatangkan definisi bagi setiap istilah tersebut :

1. *TALFIQ* - Wahbah al-Zuhāyilī mendefinisikannya sebagai menghimpunkan antara taqlīd dua imam atau lebih dalam sesuatu perbuatan di mana setiap perbuatan itu mempunyai rukun atau *juz'īyyāt* yang mempunyai hubungan antara satu sama lain. Setiap perbuatan itu juga mempunyai hukum khas yang menjadi pokok perselisihan di kalangan ulama. Apabila seseorang bertaqlīd kepada mazhab tertentu dalam sesuatu hukum dan bertaqlīd kepada mazhab yang lain dalam masalah

hukum yang lain, maka perbuatan itu dianggap *talfiq* di antara dua mazhab atau lebih¹.

2. *TAKHAYYUR* - Proses memilih salah satu pendapat atau hukum daripada pelbagai pendapat-pendapat lain yang berbeza mazhab.²
3. *TATABBU' AL-RUKHAS* - Bermaksud mengambil hukum yang termudah daripada setiap mazhab pada masalah-masalah yang mendatang.³ Kemudahan yang dimaksudkan ialah pendapat para ulama yang paling mudah dan tidak membebankan.⁴
4. *TARJĪH* - Bermaksud proses memilih sesuatu pendapat berdasarkan kekuatan dalilnya. Ia merupakan salah satu bentuk ijtihad.⁵ Ini kerana *pentarjīh* perlu memiliki kemampuan untuk menganalisis pandangan-pandangan mazhab dalam sesuatu masalah dan berijtihad menentukan pandangan yang paling kuat hujahnya dan sesuai dengan keadaan semasa. *Tarjīh* termasuk dalam *ijtihad intiqā'ī* seperti yang dinyatakan oleh al-Qaraḍāwī. Ijtihad *intiqā'ī* adalah ijtihad untuk memilih salah satu pendapat terkuat antara beberapa pendapat yang ada dalam penbendaharaan fiqh yang diwariskan oleh imam mujtahid terdahulu.⁶

¹ Wahbah al-Zuhaylī (1993), *Al-Rukhāṣ al-Syar'īyyah Ahkamuhā wa Ḍawā-bituhā*. Beirut: Dār al-Khair, h. 56.

² Feisal Abdul Rauf (2002), *Islam, a Sacred Law: What Every Muslim Should Know About The Shariah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia, h. 209.

³ Wahbah al-Zuhaylī (2004), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 2. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, h. 1181.

⁴ Maszlee Malik (2005), *Talfiq beramal dengan pelbagai Mazhab*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd., h. 45.

⁵ *Ibid.*, h. 43.

⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī (1987), *Ijtihad Dalam Syariat Islam*, H. Achmad Sy - thori (terj.). Jakarta: P T Bulan Bintang, h. 150.

Hubungkait Antara Percampuran Mazhab, Talfiq, Takhayyur, Tatabbu' Al-Rukhas Dan Tarjih

Persamaan ketara antara *talfiq*, *takhayyur*, *tatabbu' al-rukhas* dan *tarjih* ialah amalan-amalan ini menyebabkan berlakunya percampuran mazhab. Golongan yang mengamalkannya tidak berpegang tetap kepada sesuatu mazhab tertentu.


Dari aspek perbezaan pula, *tarjih* merupakan salah satu cabang ijtihad. Manakala *talfiq*, *takhayyur* dan *tatabbu' al-rukhas* pula merupakan di antara bentuk-bentuk amalan *taqlid*. Oleh kerana berbeza dari aspek asas pembinaan tersebut, amalan-amalan ini mempunyai perbezaan yang ketara⁷. Perbezaan antara kesemua amalan percampuran mazhab ini digambarkan dalam jadual 1 berikut :

⁷ Lihat: Noor Naemah Abd. Rahman. (et.al.)(2003) “Pendekatan Ijtihad *tarjih* Dalam amalan Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan : Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an” dalam Jurnal Syariah, j. 11, bil. 2, h. 32.

PERKARA	TALFIQ	TAKHAYYUR	TATABBU 'AL-RUKHAS	TARJIH
KATEGORI/ ASAS PEMBINAAN	<i>Taqlid</i> : tanpa penelitian terhadap dalil dan hujah.	tanpa penelitian terhadap dalil dan hujah.	Taqlid: tanpa penelitian terhadap dalil dan hujah. Pendapat yang paling ringan dalam setiap mazhab dipilih.	Ijtihad: berasaskan penyelidikan dan kajian dengan pemerhatian dan penelitian terhadap dalil penghujahan kesesuaiannya dengan situasi semasa dan sebagainya.
PENGGUNAAN DAYA	Tidak melibatkan penggunaan daya usaha daripada individu yang mengamalkannya bahkan memadai dengan memilih mana-mana pendapat yang difikirkan sesuai walaupun tanpa mengetahui dalil-dalilnya.	Tidak melibatkan penggunaan daya usaha daripada individu yang mengamalkannya bahkan memadai dengan memilih mana-mana pendapat yang difikirkan sesuai walaupun tanpa mengetahui dalil-dalilnya.	Tidak melibatkan penggunaan daya usaha daripada individu yang mengamalkannya bahkan memadai dengan memilih mana-mana pendapat yang difikirkan sesuai walaupun tanpa mengetahui dalil-dalilnya.	Semestinya melibatkan penggunaan daya usaha untuk memilih pendapat yang terkuat.
PENGAMAL/ PELAKU	Biasanya dilakukan oleh golongan awam yang tidak mempunyai kelayakan menilai kekuatan dalil mana-mana mazhab.	Biasanya dilakukan oleh golongan awam yang tidak mempunyai kelayakan menilai kekuatan dalil mana-mana mazhab.	Biasanya dilakukan oleh golongan awam yang tidak mempunyai kelayakan menilai kekuatan dalil mana-mana mazhab.	Dilakukan oleh golongan yang memiliki kemampuan untuk menganalisis pandangan-pandangan mazhab dalam sesuatu masalah dan berjihad menentukan pandangan yang paling kuat hujahnya dan sesuai dengan keadaan semasa.
RUANG LINGKUP	Boleh dilakukan dalam permasalahan <i>ijtihadiyyah</i> yang bersifat <i>daruri</i> dalam agama dan telah disepakati melalui <i>ijma'</i> kaum muslimin dan perkara yang dihukum kafir jika mengingkarinya. Begitu juga pada perkara yang telah diharamkan syarak.	Boleh dilakukan dalam permasalahan <i>ijtihadiyyah</i> yang bersifat <i>daruri</i> dalam agama dan telah disepakati melalui <i>ijma'</i> kaum muslimin dan perkara yang dihukum kafir jika mengingkarinya. Begitu juga pada perkara yang telah diharamkan syarak.	Boleh dilakukan dalam permasalahan <i>ijtihadiyyah</i> yang bersifat <i>daruri</i> dalam agama dan telah disepakati melalui <i>ijma'</i> kaum muslimin dan perkara yang dihukum kafir jika mengingkarinya. Begitu juga pada perkara yang telah diharamkan syarak.	Boleh dilakukan dalam permasalahan <i>ijtihadiyyah</i> yang bersifat <i>daruri</i> sahaja. Haram dilakukan pada perkara-perkara yang bersifat <i>daruri</i> dalam agama dan telah disepakati melalui <i>ijma'</i> kaum muslimin dan perkara yang dihukum kafir jika mengingkarinya. Begitu juga pada perkara yang telah diharamkan syarak.

<p>MASALAH /PERKARA YANG TERLIBAT</p>	<p>Perbuatan menghimpunkan pendapat dua imam atau lebih dalam satu masalah yang sama. Termasuk dalam pengertian masalah yang sama tersebut adalah masalah berbeza yang mempunyai rukun dan cabang pembahagian yang saling berhubungan antara satu sama lain.</p>	<p>Menghimpun dan mengamalkan dua atau lebih pendapat yang berbeza dalam masalah yang berbeza dalam berasingan. Pemilihan dibuat berdasarkan pendapat yang paling ringkas daripada setiap mazhab.</p>	<p>Boleh berlaku dalam masalah yang sama atau berbeza bergantung kepada hasil ijtihad yang dilakukan melihat kepada dalil paling kuat dan sesuai neraca <i>pentarjihān</i> yang telah disebut.</p>
<p>HUKUM</p>	<p>Pendapat yang <i>rajih</i> ialah <i>talfiq</i> diharuskan dengan syarat-syarat tertentu. <i>talfiq</i> diharuskan dalam perkara atau cabang hukum tertentu iaitu ibadah mahdah selain</p>	<p>Harus bagi <i>muqalid</i> untuk berpindah kepada mazhab lain yang muktabar sama ada berpindah terus secara keseluruhan atau berpindah pada masalah-masalah yang tertentu dengan syarat tidak dilakukan kerana mengikut hawa nafsu.</p>	<p>Pendapat yang melarang <i>tatabbu' al-rukhas</i> merupakan pendapat yang paling tepat kerana perbuatan mengam-bil pendapat-pendapat yang teringan daripada setiap mazhab ditakuti akan</p>
			<p>Hukum melakukan <i>ijti-had intiqa'i</i> atau <i>tarjih</i> sebagaimana hukum ijtihad secara umum adalah fardhu kifayah ke atas seluruh umat Islam untuk memastikan dina-misme dan kelangsungan syariat Islam pada setiap zaman dan tempat. Tuntutan melakukannya ke atas seluruh umat</p>

	<p><i>ibadah maliah</i> yang terbina atas prinsip untuk kemudahan, perkara muamalat, hudud dan <i>uqubat</i> serta munakahat. Dalam perkara larangan (<i>mahzurat</i>) yang terbina atas asas hati-hati dan warak, <i>talfiq</i> adalah dilarang. Namun, jika ada darurat maka ia tetap diharuskan dengan memenuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan.</p>		<p>membawa kepada ke-rosakan yang besar seperti sikap mempermudah-mudahkan urusan agama, mengganggu pelaksanaan hukum dan pengguguran taklif.</p>	<p>akan gugur sekiranya wujud golongan yang melaksanakannya. Tetapi jika tiada sesiapa yang melaksanakan tuntutan tersebut, maka semua umat Islam akan menanggung dosa terutamanya pemerintah.</p>
<p>Jadual 1 : Perbezaan di antara <i>talfiq</i>, <i>takhayyir</i>, <i>ta'tabbu' al-rukhas</i> dan <i>tarjih</i>.</p>				



Rajah 1 : Ruang Berlakunya Percampuran Mazhab

KAJIAN TERDAHULU

Perbincangan dan ulasan secara teoritikal mengenai konsep *talfiq* biasanya terdapat di bahagian akhir sesebuah buku mengenai Uşul al-Fiqh moden seperti Wahbah al-Zuhailī dalam *Uşul al-Fiqh al-Islāmī*. Perbincangan biasanya menyentuh mengenai konsep *talfiq*, pandangan pelbagai ulama mazhab sama ada yang menerima atau yang menolak. Karya-karya lain yang ada menyentuh isu *talfiq* antara lainnya ialah *al-Baḥr al-Muḥiṭ* karangan al-Zarkasyī ; *al-Muwāfaqāt* oleh al-Syāṭibī ; *I‘lām al-Muwāqqi‘in* karangan Ibn

Qaiyyim, ; ‘*Umdah al-Taḥqīq fī Ḥukm al-Taqlīd wa al-talfiq*’ hasil karangan Muḥammad Sa’īd al-Bānī dan lain-lain.

Terdapat beberapa kajian khusus mengenai *talfiq* di Malaysia. Namun ia tidak menfokuskan kepada penerimaan masyarakat Islam terhadap amalan percampuran mazhab atau *talfiq*. Antara kajian tersebut ialah :

Nizaita Omar (2004) “Pelaksanaan Ibadat Solat Bagi Pesakit: Kajian Hukum Berasaskan Realiti Semasa”⁸. Tesis ini membincangkan permasalahan wuduk, tayammum dan cara-cara solat bagi pesakit yang menghidap pelbagai penyakit yang menyukarkan untuk berwuduk dan bersolat. Kajian ini mengemukakan pandangan fuqaha mazhab dan hujah, kemudian *mentarjih*kan masalah tersebut mengikut pandangan mazhab yang dikira kuat hujahnya dan tidak menyusahkan pesakit. Penulisan ini tidak menyentuh masalah *talfiq* mazhab secara langsung.

Saifuddin Salleh (2003) dalam disertasi beliau yang bertajuk “*Talfiq* Dalam Perkara Ibadat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Penilaian Hukum”⁹ membincangkan teori *talfiq* dan hubungannya dengan *taqlid* dan *tatabbu’ al-rukhas*. Penulisan ini juga menyentuh hukum *talfiq* kepada masyarakat awam. Tumpuan kajian kepada amalan *talfiq* dalam masyarakat Malaysia dan hubungannya dengan tradisi keterikatan mazhab. Contoh-contoh yang dikemukakan seperti bersuci bagi pesakit yang disimen anggota wuduk, bersentuhan tanpa membatalkan wuduk, tidak menyebut lafaz *uṣallī*, meninggalkan doa qunut dan lain-lain.

Bagaimanapun, kajian ini tidak membuat penilaian terhadap penerimaan masyarakat. Secara khususnya, tumpuan diberikan kepada penilaian hukum berkenaan amalan-amalan yang disebut di atas. Kajian ini menyimpulkan bahawa *talfiq* yang berlaku

⁸ Nizaita Omar (2004) “Pelaksanaan Ibadat Solat Bagi Pesakit: Kajian Hukum Berasaskan Realiti Semasa”, Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

⁹ Saifuddin Salleh (2003), “*Talfiq* Dalam Perkara Ibadat di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Satu Penilaian Hukum”, Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

dalam amalan-amalan yang dikaji adalah harus kerana ia bertujuan memberi kemudahan kepada masyarakat Islam untuk menunaikan ibadat.

Amir Hamzah Mohd Ali (2003) dalam penulisannya mengenai “*Talfiq* Dalam Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu: Kajian Di Kalangan Mahasiswa APIUM”¹⁰ tertumpu kepada ibadat solat dan responden adalah pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sahaja. Pengumpulan data menggunakan kaedah soal selidik. Dapatan kajian, menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar beramal dengan *talfiq* yang dibenarkan oleh Syarak dalam pelaksanaan solat.

Secara ringkasnya, kajian-kajian di atas tidak membincangkan penerimaan masyarakat Islam terhadap amalan percampuran mazhab (*talfiq*). Ia lebih tertumpu kepada apa yang diamalkan berasaskan percampuran mazhab. Justeru, terdapat ruang besar bagi kajian ini dijalankan untuk mendapat data dan input bagi merancang corak pengamalan keagamaan di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan dua kaedah utama iaitu kaedah penyelidikan teoritikal dan empirikal. Melalui kaedah teoritikal, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang kajian iaitu aspek-aspek percampuran mazhab dalam bidang ibadat dan kekeluargaan akan diaplikasikan. Melalui kaedah ini sumber-sumber primari dan sekunder akan dikaji. Ianya akan melibatkan kajian terhadap buku-buku, artikel ilmiah, jurnal, latihan-latihan ilmiah, kompilasi fatwa, akhbar dan majalah serta buletin. Kajian ini juga akan melibatkan kaedah dokumentasi dan historis.

Kaedah penyelidikan empirikal pula melibatkan dua peringkat iaitu pengumpulan dan analisis data. Kajian ini juga akan mengumpul data-data primari dan sekunder. Untuk data primari, maklumat akan diperolehi melalui kajian lapangan.

¹⁰ Amir Hamzah Mohd Ali (2003), “*Talfiq* Dalam Pelaksanaan Ibadah Solat Fardhu: Kajian Di Kalangan Mahasiswa APIUM”, Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penyelidik menggunakan beberapa metode dalam kajian ini, iaitu persampelan, temubual yang berstruktur dan soal selidik.

Melalui metode persampelan, penyelidik menggunakan kaedah strata untuk menentukan negeri yang akan dikaji. Enam buah negeri telah dipilih berdasarkan darjah keterikatannya dengan sesuatu mazhab fiqh. Negeri-negeri tersebut ialah Kelantan, Kedah, Johor, Perlis, Pahang, Wilayah Persekutuan dan Selangor. Metode temubual berstruktur pula akan menyusul untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Responden yang terlibat ialah pegawai atasan di institusi penguatkuasa agama negeri-negeri, guru-guru pondok dan tokoh-tokoh agama. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kecenderungan pihak berkuasa agama, tokoh-tokoh agama dan guru-guru pondok terhadap isu percampuran mazhab dalam aspek ibadat. Metode soal selidik digunakan untuk menilai penerimaan masyarakat terhadap amalan percampuran mazhab dalam aspek ibadat. Responden yang terdiri daripada masyarakat setempat akan dipilih.

Peringkat kedua dalam metode empirikal ini ialah pemrosesan dan analisis data. Data-data yang diperolehi melalui kaedah temubual dianalisis secara deduktif, induktif dan komparatif. Manakala data-data yang diperolehi melalui kaedah soal selidik dianalisis menggunakan kaedah SPSS edisi ke-11. Antara kaedah statistik yang digunakan adalah kaedah analisis diskriptif yang melibatkan jadual silang. Seterusnya inferens yang diperolehi digunakan untuk perbincangan, membuat rumusan dan mengemukakan cadangan kajian.

KEPUTUSAN DAN INTERPRETASI DATA KAJIAN

Kajian tentang penerimaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap amalan percampuran mazhab dalam isu-isu ibadat ini telah dijalankan dalam bentuk soal selidik ke atas 414 orang responden yang dipilih.

Ciri Demografi

Dalam kajian ini jenis persampelan purposif telah dipilih. Responden yang dipilih adalah golongan yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan memahami sedikit sebanyak

berkenaan mazhab dalam Islam. Taburan demografi responden adalah seperti di dalam jadual 2 :

Jadual 2 : Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut pembolehubah demografi.

Pembolehubah	Kekerapan	
Jantina	Lelaki	239 (58.6%)
	Perempuan	169 (41.4%)
Umur	20 – 29 tahun	135 (32.8%)
	30 – 39 tahun	166 (40.3%)
	40 - 49 tahun	67 (16.3%)
	50 – 59 tahun	34 (8.3%)
	60 – 60 tahun	9 (2.2%)
	70 tahun ke atas	1 (0.2%)
Aliran pendidikan	Agama	341 (84.4%)
	Akademik	61 (15.2%)
Pendidikan tertinggi	SPM	41 (10.1%)
	STPM	26 (6.4%)
	STU	13 (3.2%)
	Sijil	14 (3.4%)
	Diploma	49 (12.1%)
	Sarjana Muda	172 (42.4%)
	Sarjana	77 (19.0%)
	Ph.D	14 (3.4%)
Institusi pendidikan (Dalam negara)	IPTA	269 (65.9%)
	IPTS	24 (7.6%)
	Pengajian pondok	41 (12.9%)
	Pengajian tidak formal	37 (11.7%)
	Lain-lain	6 (1.9%)
Institusi pendidikan (Luar negara)	Mesir	74 (57.8%)
	Arab Saudi	7 (5.5%)
	Jordan	12 (9.4%)
	Sudan	1 (0.8%)
	Indonesia	11 (8.6%)
	UK	4 (3.1%)
	Lain-lain	19 (14.8%)
Pekerjaan	Mufti	5 (1.4%)
	Hakim Mahkamah Syariah	6 (1.6%)
	Pensyarah	80 (22.0%)
	Peguam Syarie	1 (0.3%)
	Pegawai Tadbir	61 (16.8%)
	Guru	110 (30.2%)
	Imam/bilal masjid	23 (6.3%)
	Penceramah agama	14 (3.8%)
	Pegawai Jabatan Agama Islam	44 (12.1%)
Lain-lain	20 (5.5%)	

Negeri asal	Perlis	22 (5.4%)
	Kedah	89 (21.8%)
	Pulau Pinang	10 (2.4%)
	Perak	25 (6.1%)
	Selangor	15 (3.7%)
	Melaka	6 (1.5%)
	Negeri Sembilan	13 (3.2%)
	Johor	47 (11.5%)
	Pahang	6 (1.5%)
	Terengganu	74 (18.1%)
	Kelantan	93 (22.7%)
	Sarawak	2 (0.5%)
	Sabah	1 (0.2)
	WP Kuala Lumpur	6 (1.5%)
Mazhab yang dipegang	Hanafi	2 (0.5%)
	Maliki	1 (0.2%)
	Syafi'i	390 (95.6%)
	Hanbali	-
	Tidak bermazhab	15 (3.7%)

Data yang diperolehi dalam kajian ini diwakili oleh responden lelaki sebanyak 58.6% melebihi responden wanita yang mewakili 41.4%. Majoriti responden adalah daripada golongan yang muda iaitu dari julat umur 30 – 39 tahun sebanyak 40.3%, 20 – 29 tahun sebanyak 32.8% diikuti dengan golongan berusia 40 – 49 tahun sebanyak 16.3%. Walaupun kajian lebih menasarkankan golongan yang berpendidikan agama sebagai sampel, namun wujud responden yang datang dari latar belakang pendidikan akademik sebanyak 15.2%. Lebih separuh daripada responden mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu 42.4% berkelulusan sarjana muda, 19% berkelulusan sarjana dan 3.4% berkelulusan Ph.D. Kebanyakan responden menerima pendidikan mereka dari institusi pendidikan di dalam Malaysia iaitu seramai 377 orang termasuk mereka yang menerima pengajian tidak formal sebanyak 11.7%.

Daripada keseluruhan responden hanya 128 orang sahaja yang menerima pendidikan dari luar negara dan majoritinya berkelulusan dari Mesir sebanyak 57.8%. Responden berasal dari berbagai-bagai profesyen kerjaya. Guru merupakan kerjaya tertinggi iaitu sebanyak 30.2% diikuti pensyarah sebanyak 22%, pegawai tadbir sebanyak 16.8% dan pegawai Jabatan Agama Islam sebanyak 12.1%. responden mewakili semua negeri di Malaysia namun bilangan responden tidak seimbang antara satu sama lain berikutan pendedaran borang soal selidik yang tidak dibuat ke

semua negeri. Jumlah responden paling ramai berasal dari Kelantan sebanyak 22.7% diikuti oleh Kedah iaitu sebanyak 21.8%, Terengganu 18.1% dan Johor sebanyak 11.5%. Walaupun responden berasal dari pelbagai latar belakang, namun majoritinya adalah bermazhab Syafi'i iaitu 95.6%. Hanya segelintir sahaja daripada responden sahaja yang mengaku tidak bermazhab iaitu sebanyak 15 orang (3.7%), bermazhab Hanafi sebanyak 2 orang (0.5%) dan bermazhab Maliki sebanyak seorang yang mewakili 0.2%.

Hubungan Latar Belakang Dengan Mazhab Yang Dipegangi

Tujuan utama kajian ini dijalankan bukan untuk menguji atau mengkaji faktor yang menyebabkan pemilihan dan pegangan mazhab oleh masyarakat Malaysia. Data yang diperolehi juga adalah tidak mencukupi untuk menguji perkara tersebut. Ini kerana jumlah pengikut mazhab selain Syafi'i adalah terlalu kecil berbanding pengikut mazhab Syafi'i yang mewakili hanya 4.4% sahaja. Namun penyelidik tertarik untuk memperincikan latar belakang pengikut mazhab selain Syafi'i di Malaysia untuk mengetahui secara umum faktor yang mungkin mempengaruhi pemilihan mazhab tersebut. Taburan responden dan pemilihan mazhab diperincikan seperti dalam jadual 3, jadual 4, jadual 5 dan jadual 6.

Jadual 3 : Kekerapan umur responden dan hubungannya dengan mazhab yang dipegangi.

Umur	Mazhab yang dipegangi				Jumlah
	Hanafi	Maliki	Syafi'i	Tidak bermazhab	
20 – 29 tahun	0	1 (0.8%)	131 (98.5%)	1 (0.8%)	133
30 – 39 tahun	1 (0.6%)	0	159 (97.5%)	3 (1.8%)	163
40 – 49 tahun	0	0	64 (97%)	2 (3%)	66
50 – 59 tahun	1 (2.9%)	0	27 (79.4%)	6 (17.6%)	34
60 – 69 tahun	0	0	6 (66.7%)	3 (33.3%)	9
70 tahun ke atas	0	0	1	0	1
Jumlah	2	1	388	15	406

Jadual 4 : Kekerapan aliran pendidikan responden dan hubungannya dengan mazhab yang menjadi pegangan.

Aliran pendidikan	Mazhab yang dipegangi				Jumlah
	Mazhab Hanafi	Mazhab Maliki	Mazhab Syafi'i	Tidak Bermazhab	
Agama	2	1	329	6	338
Akademik	0	0	52	8	60

Jadual 5 : Kekerapan tahap pendidikan responden dan hubungannya dengan mazhab yang dipegangi.

Tahap pendidikan	Mazhab yang dipegangi				Jumlah
	Hanafi	Maliki	Syafi'i	Tidak bermazhab	
SPM	0	0	34	5	39
STPM	0	0	25	1	26
STU	0	0	13	0	13
Sijil	0	0	14	0	14
Diploma	0	0	45	3	48
Sarjana Muda	1	1	163	4	169
Sarjana	1	0	75	1	77
PhD	0	0	13	1	14
Jumlah	2	1	382	15	400

Jadual 6 : Kekerapan negeri asal responden dan hubungannya dengan mazhab yang dipegangi.

Negeri asal	Mazhab yang dipegangi				Jumlah
	Hanafi	Maliki	Syafi'i	Tidak bermazhab	
Perlis	0	0	13	9	22
Kedah	0	1	85	2	88
Pulau Pinang	0	0	9	1	10
Perak	0	0	25	0	25
Selangor	0	0	15	0	15
Melaka	0	0	6	0	6
Negeri Sembilan	0	0	13	0	13
Johor	0	0	45	1	46
Pahang	0	0	6	0	6
Terengganu	1	0	69	1	71
Kelantan	1	0	91	1	93
Sarawak	0	0	2	0	2
Sabah	0	0	1	0	1
WP Kuala Lumpur	0	0	6	0	6
Jumlah	2	1	386	15	404

Daripada data yang diperolehi, didapati bahawa mazhab Syafi'i masih lagi menjadi pegangan majoriti masyarakat Malaysia dan hanya sebilangan kecil sahaja yang mengaku mengikut mazhab yang lain atau tidak bermazhab. Sebanyak 95.6% responden daripada pelbagai peringkat umur, aliran pendidikan, tahap pendidikan dan negeri adalah bermazhab Syafi'i.

Pengikut mazhab Hanafi seramai 2 orang dan mazhab Maliki seramai seorang dalam kajian ini berasal dari golongan yang beraliran agama dan mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu dalam kalangan sarjana muda dan sarjana. Namun mereka tidak datang dari satu peringkat umur sahaja. Pengikut mazhab Hanafi datang dari lingkungan umur 30 – 39 tahun dan 50 – 59 tahun manakala pengikut mazhab Maliki pula berumur 20 – 29 tahun.

Golongan yang mengaku tidak berpegang dengan mana-mana mazhab sebanyak 3.7% iaitu 15 orang datang dari semua peringkat umur kecuali 70 tahun ke atas. Golongan yang berlatar belakang pendidikan akademik yang tidak bermazhab adalah sebanyak 8 orang mewakili 13.3% daripada 52 orang jumlah keseluruhan manakala golongan berpendidikan agama sebanyak 1.8% iaitu 6 daripada 338. Data ini menunjukkan bahawa mereka yang tidak bermazhab datang lebih ramai datang dari golongan akademik berbanding golongan agama. Penilaian ini dilihat dari sudut peratusan.

Analisis dari aspek negeri asal menunjukkan negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan mempunyai responden yang berpegang kepada mazhab yang pelbagai. Kelima-lima negeri ini mempunyai responden yang bermazhab Syafi'i dan tidak bermazhab. Responden yang bermazhab Maliki berasal dari negeri Kedah manakala mazhab Hanafi berasal pula dari Kelantan dan Terengganu. Responden dari negeri-negeri lain semuanya bermazhab Syafi'i. Negeri Perlis mempunyai peratusan responden yang tidak bermazhab yang paling ramai iaitu 40.9% berbanding negeri-negeri lain.

Penerimaan Masyarakat Malaysia Terhadap Percampuran Mazhab

Penerimaan masyarakat Malaysia terhadap isu percampuran mazhab diukur dengan melihat jumlah peratusan jawapan yang bersandar kepada mazhab selain Syafi'i yang menjadi pilihan responden mazhab Syafi'i. Percampuran mazhab berlaku sekiranya pengikut mazhab Syafi'i memilih jawapan yang bersandarkan mazhab selain Syafi'i. Daripada analisis yang dilakukan, penyelidik mendapati percampuran mazhab berlaku dalam semua soalan yang dikemukakan meliputi isu *taharah*, *wudhu*, solat, puasa dan zakat. Namun begitu, tahap percampuran mazhab dalam isu-isu tersebut berbeza antara satu soalan dengan soalan yang lain. Ini mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Dalam bahagian ini, penulis akan menyenaraikan 26 soalan tersebut mengikut pengkelasan tahap percampuran mazhab yang berlaku. Pengkelasan tersebut dibahagikan berdasarkan jumlah peratusan yang diperolehi oleh jawapan yang bersandarkan mazhab selain Syafi'i. Pengkelasan tahap percampuran yang telah ditetapkan adalah seperti dalam jadual 7:

Jadual 7 : Tahap amalan dan penerimaan percampuran mazhab

Peratusan	Tahap Amalan dan Penerimaan
0 – 49%	Rendah
50 – 79%	Sederhana
80 – 100%	Tinggi

Senarai soalan dan tahap percampuran mazhab yang berlaku di dalam persoalan tersebut adalah seperti dalam jadual 8, jadual 9 dan 10.

Jadual 8 : Isu-isu ibadat yang berlaku percampuran mazhab yang tinggi di kalangan responden bermazhab Syafi'i.

No. Item	Soalan	Jawapan Mazhab Syafi'i	Jawapan Mazhab Selain Syafi'i	Tidak Pasti	Jumlah
B37	Dengan apakah pembayaran zakat fitrah ditunaikan?	43 (11.3%)	338 (88.7%)	0	381 (100%)
B28	Berniat puasa sebulan Ramadhan tetapi telah terlupa untuk berniat pada hari tertentu pada bulan Ramadhan tersebut.	56 (14.9%)	320 (85.1%)	0	376 (100%)
B41	Cara pembayaran zakat padi.	61 (17.3%)	292 (82.7%)	0	353

Jadual 9 : Isu-isu ibadat yang berlaku percampuran mazhab secara sederhana di kalangan responden bermazhab Syafi'i.

No. Item	Soalan	Jawapan Mazhab Syafi'i	Jawapan Mazhab Selain Syafi'i	Tidak Pasti	Jumlah
B44	Adakah anda menolak keperluan asasi (nafkah diri dan keluarga) sebelum membayar zakat?	80 (22.9%)	270 (77.1%)	0	350 (100%)
B40	Cara pembayaran zakat pendapatan.	61 (31.8%)	131 (68.2%)	0	192
B43	Cara pembayaran zakat KWSP	54 (34.0%)	105 (66.0%)	0	159
B14	Adakah pesakit perlu mengqadha' semula solatnya yang ditinggalkan ketika sakit selepas sembuh?	112 (32.8%)	219 (64.2%)	16 (4.7%)	341

B13	Adakah perlu berwudhu' dahulu sebelum memakai simen/belat/ plaster?	106 (36.1%)	172 (58.7%)	15 (5.1%)	293
B12	Berwudhu' bagi pesakit yang disimen kakinya	156 (41.4%)	220 (58.5%)	0	376
B31	Memasukkan glukos ke dalam badan ketika berpuasa melalui saluran urat (infusi).	147 (38.9%)	204 (54.0%)	27 (7.1%)	378

Jadual 10 : Isu-isu ibadat yang berlaku percampuran mazhab yang rendah di kalangan responden bermazhab Syafi'i.

No. Item	Soalan	Jawapan Mazhab Syafi'i	Jawapan Mazhab Selain Syafi'i	Tidak Pasti	Jumlah
B30	Memasukkan saluran getah ke dalam zakar untuk menyalurkan kencing (ihlil) ketika berpuasa.	156 (41.3%)	187 (49.6%)	34 (9.0%)	377
B22	Solat Jumaat di masjid yang tiada pemastautin	220 (57.4%)	131 (34.2%)	32 (8.4%)	383
B26	Tempoh masa permukiman yang disyaratkan bagi membolehkan pelaksanaan solat jama' dan qasar bagi mereka yang tidak pasti bila urusan akan selesai	116 (31.4%)	126 (34.1%)	127 (34.4%)	369
B23	Doktor/jururawat melakukan solat jama' kerana terlibat dengan pembedahan yang panjang atau urusan menyelamatkan nyawa pesakit di hospital	244 (63.5%)	113 (29.4%)	27 (7.0%)	384

Percampuran Mazhab Dalam Isu Ibadat

B36	Semasa sembahyang berjemaah Subuh, imam terlupa untuk membaca qunut dan tidak melakukan sujud sahwi.	275 (71.2%)	104 (26.9%)	7 (1.8%)	386 (100%)
B18	Adakah seorang doktor yang terpaksa melakukan rawatan terhadap anjing setiap hari perlu bersamak pada semua peralatan dan pakaiannya?	237 (62.9%)	98 (26%)	42 (11.1%)	377
B17	Adakah seseorang yang telah luka dan cedera digigit anjing di seluruh tubuh perlu bersamak?	254 (67%)	89 (23.5%)	34 (9.0%)	379
B32	Mencabut gigi di bulan Ramadhan.	300 (78.1%)	72 (18.8%)	12 (3.1%)	384 (100%)
B15	Adakah wudhu' terbatal jika seorang lelaki bersentuhan kulit dengan wanita ajnabi?	323 (85.4%)	54 (14.2%)	1 (0.3%)	378 (100%)
B20	Mengambil wudhu' dengan menyapu air di stoking sebagai ganti membasuh kaki setelah wudhu' yang diambil secara sempurna terbatal.	315 (82.7%)	48 (12.6%)	18 (4.7%)	381
B21	Bersolat jumaat di masjid yang tidak cukup 40 orang bilangan pemastautinnya.	339 (87.5%)	42 (10.9%)	6 (1.6%)	387 (100%)
B33	Memasukkan ubat kapsul ke dalam dubur ketika berpuasa (supositori).	333 (86.0%)	40 (10.3%)	14 (3.6%)	387
B19	Mengambil wudhu' menggunakan air musta'mal	336 (88%)	37 (9.6%)	11 (2.9%)	384 (100%)

B34	Meneruskan makan dan minum sahur selepas waktu imsak sebelum azan subuh.	348 (89.7%)	36 (9.3%)	4 (1.0%)	388 (100%)
B25	Bermusafir selama tiga hari. Bolehlah melakukan solat jama' dan qasar di tempat yang dituju?	373 (96.9%)	12 (3.1%)	0	385 (100%)
B16	Bersentuhan dengan anjing dalam keadaan basah.	378 (97.4%)	6 (1.5%)	4 (1.0%)	388 (100%)

Data di atas menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia mengamalkan percampuran mazhab dalam isu-isu ibadat dalam kehidupan mereka. Percampuran mazhab ini bukan hanya terdapat dalam satu aspek ibadat sahaja malah berlaku dalam segenap aspek meliputi taharah, wudhu', solat, puasa dan zakat.

Daripada data di atas, didapati tahap percampuran mazhab dalam amalan masyarakat Malaysia kebanyakannya masih berada di tahap yang rendah. Hanya tiga soalan yang menunjukkan berlakunya percampuran mazhab atau pemilihan jawapan selain mazhab Syafi'i yang tinggi iaitu soalan 37¹¹, soalan 28¹² dan soalan 41¹³.

Dapat disimpulkan bahawa penerimaan masyarakat terhadap percampuran mazhab yang tinggi dalam isu-isu ini adalah disebabkan ia telah menjadi amalan yang diterima masyarakat dan ia merupakan isu yang telah diputuskan dan dikuatkuasakan melalui perundangan. Pemilihan jawapan wang kepada soalan 37 adalah kerana pembayaran zakat fitrah menggunakan wang telah dikuatkuasakan oleh pusat pungutan zakat untuk memudahkan pembayaran. Dalam soalan 28 pula, masyarakat cenderung memilih jawapan sah puasa di hari yang tidak dilafazkan niat itu walaupun bertentangan dengan pandangan mazhab Syafi'i yang mengatakan tidak sah dan perlu berniat puasa setiap hari kerana ia

¹¹ Soalan 37 : Anda membayar zakat fitrah dengan?

¹² Soalan 28 : Ahmad yang telah berniat puasa sebulan Ramadhan telah te - lupa untuk berniat pada hari tertentu pada bulan Ramadhan tersebut. Bagaimanakah puasanya pada hari tertentu tersebut?

¹³ Soalan 41 : Bagaimanakah cara pembayaran zakat padi dilakukan?

adalah syarat. Ini kerana jawapan yang bersandar kepada mazhab Maliki itu telah menjadi amalan dalam masyarakat secara meluas, malah guru-guru yang bermazhab Syafi'i di institusi pondok juga menganjurkan amalan demikian sebagai langkah *ihitiyāt*.

Amalan-amalan yang melibatkan percampuran mazhab secara sederhana (50 – 79%) pula merangkumi 7 soalan iaitu soalan 44¹⁴, soalan 40¹⁵, soalan 43¹⁶, soalan 14¹⁷, soalan 13¹⁸, soalan 12¹⁹ dan soalan 31²⁰.

Masyarakat memilih jawapan selain mazhab Syafi'i dalam soalan-soalan di atas kerana cenderung memilih jawapan yang munasabah untuk mereka amalkan dan yang mudah untuk mengelak *masyaqqah* (kesusahan) yang terkandung dalam amalan tersebut. Sebagai contoh, soalan 12, 13 dan 14. Dalam soalan 12, sebanyak 39.9% responden memilih jawapan yang disandarkan kepada mazhab Hanafi iaitu mengambil *wudhu'* pada anggota yang sihat dan cukup dengan menyapu air disimen sebagai ganti membasuh kaki dan 18.6% memilih untuk tidak ber*wudhu'* sebaliknya cukup dengan bertayammum sahaja. Begitu juga dengan soalan 13 yang mana responden cenderung untuk memilih jawapan selain Syafi'i iaitu tidak setuju bahawa pesakit perlu ber*wudhu'* dahulu sebelum membalut kakinya dengan belat/plaster/simen. Dalam soalan 14, sebanyak 64.2% responden memilih tidak wajib *qadha'* solat yang dilakukan ketika sakit tanpa mengambil *wudhu'* sebelum memakai belat tersebut sedangkan pandangan mazhab Syafi'i adalah wajib *qadha'* solat-solat tersebut.

¹⁴ Soalan 44 : Adakah anda menolak keperluan asasi (nafkah diri dan keluarga) sebelum membayar zakat?

¹⁵ Soalan 40 : Cara pembayaran zakat pendapatan/gaji?

¹⁶ Soalan 43 : Cara pembayaran zakat KWSP?

¹⁷ Soalan 14 : Adakah pesakit yang solat menggunakan *wudhu'* tanpa ber*wudhu'* dengan sempurna terlebih dahulu sebelum memakai simen perlu meng*qadha'* semula solatnya yang ditinggalkan ketika sakit selepas sembuh?

¹⁸ Soalan 13 : Adakah pesakit yang disimen kakinya perlu ber*wudhu'* dahulu sebelum memakai simen/belat/ plaster?

¹⁹ Soalan 12 : Bagaimana cara ber*wudhu'* bagi pesakit yang disimen kakinya?

²⁰ Soalan 31 : Memasukkan glukos ke dalam badan ketika berpuasa melalui saluran urat/infusi?

Soalan 40, 43 dan 44 pula menunjukkan tahap percampuran mazhab yang sederhana kerana ia termasuk dalam isu yang telah dikuatkuasakan melalui perundangan walaupun tidak secara meluas di seluruh Malaysia. Cara pembayaran zakat gaji atau pendapatan (soalan 40) menurut Syafi'i adalah berasaskan zakat wang simpanan. Namun, masyarakat cenderung memilih jawapan selain itu iaitu potongan bulanan. Ini mungkin disebabkan cara pembayaran tersebut sudah di kuatkuasakan di negeri-negeri tertentu seperti di Selangor.

Sebahagian besar daripada soalan yang dikemukakan kepada responden masih berada dalam tahap amalan dan penerimaan percampuran mazhab yang rendah. Ini dapat dilihat dalam jadual 11:

Jadual 11 : Tahap amalan dan penerimaan masyarakat terhadap percampuran mazhab

Tahap Amalan Dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Percampuran Mazhab	Bilangan Dan Peratusan Soalan
Tinggi	3 (11.5%)
Sederhana	7 (27%)
Rendah	16 (61.5%)
JUMLAH	26 (100%)

Kesimpulan yang dapat dibuat melalui jadual 11 adalah masyarakat Islam di Malaysia masih berpegang dengan amalan bersumberkan mazhab Syafi'i. 61.5% daripada soalan yang diajukan menunjukkan jawapan yang bersandarkan mazhab selain Syafi'i mendapat pertusan yang rendah iaitu sekitar 0 – 49%.

Penerimaan baik masyarakat terhadap amalan percampuran mazhab hanyalah dalam isu yang sudah masyhur dan diamalkan secara meluas dalam masyarakat sahaja iaitu 11.5% daripada soalan yang dikemukakan. Selebihnya sebanyak 27% soalan mendapat penerimaan yang sederhana iaitu sekitar 50 – 79%.

26 soalan yang telah diajukan di atas tidak bertanya secara langsung kepada responden berkenaan penerimaan mereka

terhadap amalan percampuran mazhab. Tujuan penyelidik berbuat demikian adalah untuk tidak memengaruhi jawapan yang akan diberikan oleh responden di samping untuk mengumpul data-data berkenaan amalan masyarakat Islam di Malaysia. Namun begitu, terdapat satu soalan yang dirangka untuk mengetahui sebab pemilihan jawapan yang bersandarkan mazhab selain Syafi'i secara langsung daripada responden iaitu soalan 38²¹. Jadual 12 adalah analisis jawapan bagi soalan tersebut :

Jadual 12 : Sebab penggunaan wang sebagai ganti beras dalam masalah pembayaran zakat fitrah di kalangan responden bermazhab Syafi'i.

Jawapan	Kekerapan/Peratusan
Amalan masyarakat	31 (8.9%)
Arahan pihak berwajib	74 (21.2%)
Mengikut Mazhab Hanafi	69 (19.8%)
Lebih mudah	172 (49.3%)
Lain-lain	3 (0.9%)
JUMLAH	349 (100%)

Majoriti responden yang bermazhab Syafi'i iaitu seramai 49.3% memilih untuk berpindah mazhab menggunakan wang bagi pembayaran zakat fitrah menggantikan beras kerana berpendapat cara tersebut lebih mudah untuk dilakukan. Seterusnya, pembayaran zakat fitrah dilakukan dengan menyalahi pandangan mazhab Syafi'i ini juga dilakukan kerana ia merupakan arahan pihak berwajib yang mewakili 21.2%. Hanya 19.8% responden sahaja yang beralasan membayar zakat fitrah dengan menggunakan wang kerana mengikut mazhab Hanafi dan selebihnya 8.9% mengatakan kerana ia adalah amalan masyarakat.

Daripada analisis di atas, dapat dibuat kesimpulan secara ringkas bahawa masyarakat Islam di Malaysia lebih cenderung untuk melakukan percampuran mazhab dan berpindah kepada mazhab yang lebih mudah jika terdapat *masyaqqah* atau kesusahan dalam pelaksanaan amalan asal tersebut. Alasan ini lebih diterima oleh

²¹ Soalan 38 : Mengapa anda memilih untuk membayar zakat fitrah dengan wang?

ramai responden bernazhab Syafi'i berbanding alasan mengikut amalan mazhab lain.

KESIMPULAN

Majoriti masyarakat Malaysia mengaku berpegang dengan mazhab Syafi'i. Namun begitu, dari segi amalan, mereka tidak mengikut dan mengamalkan pandangan mazhab Syafi'i secara sepenuhnya. Berlaku perpindahan dan pengambilan pandangan mazhab lain dalam sesetengah perkara seperti dalam isu taharah, wudhu', solat, puasa dan zakat. Perpindahan dan percampuran mazhab tersebut dikesan berlaku secara meluas dalam sesetengah persoalan dalam isu-isu tersebut dan secara sederhana atau rendah dalam setengah persoalan yang lain. Perpindahan mazhab berlaku dengan meluas di kalangan masyarakat dalam perkara-perkara berikut :

1. Perkara-perkara yang mengandungi *masyaqqah* atau kesusahan dalam pengamalannya. Dalam hal tersebut, masyarakat cenderung untuk memilih pendapat yang dirasakan mudah dan munasabah untuk dilakukan.
2. Perkara yang telah diputuskan oleh badan berkuasa dan telah dikuatkuasakan melalui perundangan. Dalam situasi ini, masyarakat akan menerima dan mengamalkan perkara tersebut walaupun ia bukan merupakan pandangan mazhab Syafi'i.
3. Perkara yang telah diterima sekian lama dan menjadi amalan meluas dalam masyarakat. Masyarakat hanya mengikut sahaja amalan tersebut walaupun ia bukan berasaskan pandangan mazhab Syafi'i.

Percampuran mazhab atau kecenderungan untuk memilih pandangan mazhab selain Syafi'i kurang berlaku dalam isu-isu yang telah diketahui secara meluas dalam masyarakat. Walaubagaimanapun, melalui kajian didapati berlaku peningkatan kecenderungan dalam memilih pandangan mazhab selain Syafi'i dalam persoalan-persoalan yang kurang biasa dipelajari secara meluas dan tidak biasa dihadapi oleh masyarakat.